

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. MOHD HATTA BIN MD.
RAMLI [KUALA KRAI]**

TARIKH : 25 OKTOBER 2016

SOALAN :

YB Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta PERDANA MENTERI menyatakan dengan jumlah peruntukan yang diberikan kepada Program Permata dengan kadar yang meningkat setiap tahun. Apakah manfaat yang diperoleh daripada program tersebut dan mohon penjelasan secara terperinci di mana peruntukan tersebut dibelanjakan.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program PERMATA adalah program yang berfokuskan kepada pembangunan pendidikan, intervensi dan pengupayaan sendiri yang memberikan manfaat besar kepada kumpulan sasaran terdiri merangkumi daripada kanak-kanak di bawah umur 4 tahun, kanak-kanak pintar dan berbakat, kanak-kanak autism sehingga remaja terpinggir melalui pelaksanaan 6 Program PERMATA yang telah direka khusus bagi memenuhi keperluan mereka.

Program PERMATA Negara adalah yang pertama yang ditubuhkan berdasarkan falsafah pendidikan yang holistik dan berkualiti perlu dimulakan sejak awal usia bagi menyerlah dan mengembang potensi kanak-kanak. PERMATA Negara menyediakan kurikulum asuhan dan didikan awal kanak-kanak (Kurikulum PERMATA Negara) yang komprehensif dan holistik untuk kanak-kanak di bawah umur empat (4) tahun khususnya di kawasan pinggir dan luar bandar yang tidak berpeluang untuk mendapatkan pendidikan awal berkualiti. Elemen STEM telah diintegrasikan dalam proses pembelajarannya bagi memupuk dan menanam minat kanak-kanak terhadap STEM.

Sebagai kesinambungan, PERMATA telah menubuhkan 5 program berbeza bertujuan untuk memupuk kepelbagaian bakat dan kebolehan kanak-kanak yang memerlukan keperluan pembelajaran yang berbeza. PERMATA Pintar dan PERMATA Insan adalah program pendidikan untuk 0.01% kanak-kanak yang telah dikenalpasti sebagai pintar dan berbakat

dalam STEM dengan menyediakan kaedah dan proses pembelajaran yang direka khusus bagi memenuhi keperluan mereka. Pelajar PERMATA Insan juga didedahkan dengan aplikasi ilmu aqli dan naqli berdasarkan Quran dan Sunnah.

PERMATA Seni merupakan program bagi membangunkan keupayaan dan kebolehan luar biasa kanak-kanak dalam bidang seni persembahan terutama koir, tari dan muzik. PERMATA Kurnia bertujuan menyediakan perkhidmatan intervensi dan pendidikan awal khusus untuk kanak-kanak yang mengalami autisme dari umur 2 hingga 7 tahun merangkumi perkhidmatan persediaan bagi memasuki persekolahan aliran perdana, intervensi awal serta pendidikan komuniti bagi mendedahkan masyarakat berhubung autisme. Perkasa Remaja adalah program bagi mengupaya dan memperkasa remaja yang terpinggir dan berisiko menggunakan pendekatan yang berfokuskan pembangunan kemahiran bagi membantu mereka membuat perubahan dalam merencana masa depan.

Sekian, terima kasih.